## KERAJAAN NEGERI KELANTAN
## IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan :

| | | |
|---|---|---|
| JAWATAN | : | PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA |
| KUMPULAN PERKHIDMATAN | : | PENGURUSAN DAN PROFESIONAL |
| GRED JAWATAN | : | J41 |
| GRED GAJI | : | GAJI MINIMUM RM2,529.00   GAJI MAKSIMUM RM9,643.00   KENAIKAN GAJI TAHUNAN RM225.00 |
| SYARAT LANTIKAN | : | 1.Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:<br>(a)warganegara Malaysia;<br>(b)berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan<br>(c)<br>(i) Ijazah Sarjana Muda Perancang Bandar dan Wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.<br>(Gaji Permulaan pada Gred J41 : RM2,529.00); atau<br><br>(ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam geografi, ekonomi, sains sosial, antropologi atau perangkaan yang diiktiraf oleh Kerajaan serta ijazah sarjana atau diploma lepasan ijazah dalam bidang perancangan bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.<br>(Gaji Permulaan pada Gred J41 : RM2,529.00); atau<br><br>(iii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam serta ijazah sarjana atau diploma lepasan ijazah dalam bidang perancangan bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.<br>(Gaji Permulaan pada Gred J41 : RM2,736.28); atau<br><br>(iv)Ijazah Sarjana Muda Seni Bina serta ijazah sarjana atau diploma lepas ijazah dalam bidang perancangan bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.<br>(Gaji Permulaan pada Gred J41 : RM2,943.84) |
| SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU | : | 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan |

| | | |
|---|---|---|
| SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN | : | 3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:<br>(a) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c); dan<br>(b) had umur pelantikan:<br><br>i. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau<br>ii. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau<br>iii. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun. |
| DESKRIPSI TUGAS | : | Merancang, menyedia, menyelia dan menyelaras kajian rancangan pembangunan dan pelan-pelan pembangunan serta membuat laporan teknikal dan memberi nasihat perancangan termasuk pelan tata-atur. |